

Kejayaan PdPR menuntut komitmen semua pihak

Berita Harian (Muda Pambaca) 10/9/21 (Jumaat) 115/13

Dr Lee Khai
Loon,
Pensyarah
Fakulti
Pengurusan
Industri,
Universiti
Malaysia
Pahang (UMP)

Istilah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) tidak asing lagi dalam kalangan warga Malaysia. Persoalannya, adakah PdPR ini efektif?

Inilah persoalan yang kerap kedengaran sejak tercetusnya pandemik COVID-19. Yang paling merisaukan ibu bapa adalah anak yang baru menjejaskan kaki ke alam persekolahan. Adakah mereka mampu menguasai ilmu pengetahuan yang disalurkan dalam talian?

Jika diteliti, keberkesanan PdPR bergantung kreativiti pendidik, peranti, capaian internet, kerjasama ibu bapa dan sikap pelajar.

Usaha warga pendidik dalam penyediaan bahan PdPR yang beraneka ragam sewajarnya dihargai. Antaranya termasuklah video pembelajaran menarik, nota dalam bentuk berwarna serta latihan dalam bentuk google kuiz, quizizz atau wordwall.

Kaedah pengajaran ini mungkin sudah biasa bagi murid di sekolah berskala besar di bandar, tetapi di sekolah luar bandar jarang menikmati kaedah pengajaran sedemikian kerana kekurangan fasiliti.

Oleh itu, PdPR membuka peluang kepada pelajar di sekolah luar bandar menikmati suasana pem-

belajaran sama seperti murid di bandar. Namun, peranti dan capaian internet menjadi cabaran yang besar kepada mereka.

Ketika pembentangan Belanjawan 2021, kerajaan mengumumkan bantuan kepada keluarga B40 melalui pemberian peranti secara percuma seperti komputer riba, tablet dan data internet. Bantuan ini memberikan manfaat kepada 150,000 orang murid di 500 sekolah untuk membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dalam talian.

Mampukah bantuan ini melancarkan pembelajaran dalam talian, terutama bagi murid di luar bandar yang kerap menghadapi masalah capaian internet yang stabil? Masalah ini perlulah diatasi untuk membolehkan PdPR berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sesungguhnya, pandemik COVID-19 mengubah corak kehidupan manusia sejagat pada era digital ini. Kes harian COVID-19 yang masih tinggi menunjukkan 'norma baharu' amat diperlukan dan pendidikan fleksibel akan menjadi satu trend.

Di bawah norma baharu ini, beban ibu bapa bertambah. Di samping sibuk bekerja dari rumah, mereka juga perlu memainkan peranan dalam me-

mantau perkembangan pembelajaran anak-anak supaya tidak terabai.

Bagi murid yang berkongsi peranti dengan ibu bapa, ia akan menjadi satu cabaran apabila kedua-dua pihak memerlukan peranti terabit pada masa yang sama.

Sikap pelajar dalam menentukan keberkesanan PdPR juga tidak harus dikesampingkan. Warga pendidik boleh mengawal kelas jika pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan secara berse-muka. Namun, kawalan agak sukar dalam kelas maya. Dalam konteks ini, murid sendiri perlu ada disiplin diri, di samping kawalan ibu bapa.

Menteri Kanan Pendidikan menyatakan pencapaian calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi 2020 adalah rekod Gred Purata Nasional (GPN) terbaik dalam tempoh lima tahun. Adakah angka ini dapat membuktikan pembelajaran dalam talian di Malaysia berkesan?

Sesungguhnya, keberkesanan PdPR menuntut komitmen semua pihak baik pihak kerajaan, ibu bapa, warga pendidik mahupun pelajar. Marilah kita menggembeng tenaga menjayakan pendidikan fleksibel ini.